

06/04/2003

Hanya manik membaluti dada

ZUBIR nak nyanyikan lagu Hai Hai Bye Bye dendangan Ezlynn kepada artis wanita yang boleh dikategorikan popular ini apabila dia berani mendedahkan sebahagian besar bahagian dadanya ketika menjayakan persembahan hiburan yang Zubir rasa satu majlis tertutup.

Lihat saja gambar yang sudah disensor ini. Artis berkenaan hanya menutup

`mahkota kewanitaannya' saja! Memang berani, wa caya lu lah...

Zubir memilih lagu berkenaan kerana tertarik dengan liriknya yang ada menyebut, "...benar kata Dr M (Mahathir), Melayu mudah lupa..." Justeru, Zubir rasa bertepatan sangatlah lagu itu ditujukan khas kepada penyanyi berkenaan kerana sebagai orang Melayu, dia nampaknya mudah lupa adat resam orang kita.

Zubir difahamkan, tema majlis itu ada kena mengena dengan budaya orang Arab (berdasarkan backdrop di belakang artis terbabit). Tapi, kalau dia menyanyi dan menari gelek di tanah Arab, memanglah sesuai sangatlah sebab

Pak Arab tak nak ambil gambar dan hantar e-mel kat Zubir. Tapi kalau setakat Malaysia, teknologi kita macam kilat, semalam bergelek, pagi ni buka komputer, dah ada visual!

Sekalipun artis terbabit nak memenuhi tema malam berkenaan, dia boleh mengenakan baju yang pernah dipakai Siti Nurhaliza ketika mendendangkan lagu Nirmala pada malam Anugerah Juara Lagu Ke-17, TV3 yang lalu.

Lagu Siti ada unsur Arab, tapi pakaiannya lebih cantik daripada wanita Arab. Itu baru betul gadis Melayu beb! Jadi, kepada artis berkenaan, sekalipun menerima imbuhan lumayan, jagalah sikit kelakuan di khalayak ramai. Awak tu artis, pergi mana pun orang kenal. Tambahan pula, artis berkenaan dah bergelar isteri.

Kepada artis berkenaan, janganlah terasa hati dengan teguran dan kritikan Zubir ini. Niat Zubir ikhlas agar artis terbabit tidak mengulangi kesilapannya.